

um 2/11/09 m/s 25

## Stesen pembenihan di Tasik Kenyir

KUALA TERENGGANU 1 Nov.  
– Bagi mengatasi ancaman kepupusan spesies ikan kelah, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan kerjasama Ketengah bakal membina stesen penyelidikan, pembenihan dan pemuliharaan di Tasik Kenyir akhir tahun ini.

Naib Canselornya, Prof. Dr. Aziz Deraman berkata, stesen tersebut bakal menjadi pusat penyelidikan dan kajian penyakit ikan selain lokasi pelancongan baru di tasik itu.

Bagaimanapun katanya, pembinaan stesen tersebut masih lagi di peringkat cadangan dan belum mendapat persetujuan kerajaan negeri.

“Pembinaan stesen ini masih dalam perancangan dan sekiranya ia diluluskan, stesen tersebut bakal dibina berhampiran Sungai Tembat.

“Stesen ini juga bakal menjadi pusat latihan kepada pelajar-pelajar UMT dan penternak-penternak akuakultur,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penyerahan Benih Ikan Kelah kepada Ketengah di UMT di sini hari ini.

Turut hadir sama Timbalan Pengurus Besar Ketengah, Wan Mat Amin Wan Daud.

Sebanyak 1,000 ekor benih ikan kelah telah disumbangkan untuk dilepaskan di Tasik Kenyir.

Aziz berkata, penglibatan UMT dalam pembenihan ikan kelah secara penternakan dikawal dapat menghasilkan kualiti ikan yang baik.

Kata beliau, sekiranya kaedah pemantauan ternakan dilakukan, ia memudahkan jumlah spesies ikan itu dikawal dan dipantau.

Dalam pada itu, Wan Mat Amin berkata, penglibatan UMT dalam pembinaan stesen tersebut bakal mempercepatkan penghasilan benih ikan kelah.